




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
**KUKUHKAN AZAM,
SATUKAN PERPADUAN
UMAT ISLAM**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"KUKUHKAN AZAM, SATUKAN PERPADUAN UMAT ISLAM".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "KUKUHKAN AZAM, SATUKAN PERPADUAN UMAT ISLAM" .	6



<p>Segala puji bagi Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada kita sehingga dapat memasuki gerbang tahun baru 2025 Masihi. Tahun baru ini mengingatkan kita bahawa usia kita semakin bertambah, baki umur semakin berkurang dan membawa kita selangkah lebih dekat kepada perhitungan di akhirat.</p>	7
<p>Marilah kita mengambil peluang untuk bermuhasabah dengan penuh keinsafan. Apakah amal yang telah kita tambah serta perbaiki dan apakah dosa yang masih membelenggu? Mohonlah perlindungan kepada Allah SWT daripada tipu daya syaitan dan konco-konconya serta godaan hawa nafsu yang sering membawa kita ke lembah kehinaan.</p>	8
<p>Untuk menghalang tipu daya syaitan dan menundukkan godaan hawa nafsu, marilah kita memperbaiki dan memperbanyakkan amalan sunat seperti solat sunat, puasa sunat, membaca al-Quran, berzikir, dan bersedekah. Amalan-amalan ini bukan sahaja menjadi pelengkap kepada kewajipan yang telah ditetapkan, malah ia adalah tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT, simbol kedekatan kepada-Nya, dan benteng kukuh daripada terjerumus ke lembah maksiat dan kelalaian.</p>	9
<p>Allah SWT berfirman dalam Surah al-'Ankabut, ayat 69 seperti yang telah dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:</p> <p><i>"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah bersama orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.</i></p>	10



Perbuatan dan percakapan yang salah, keji, dan jijik adalah hasil daripada dorongan syaitan dan konco-konconya yang lahir daripada nafsu amarah. Sikap tidak boleh menerima teguran, merasa diri sentiasa betul, selalu tidak berpuas hati, membenci, memandang hina orang lain, suka menjatuhkan sesama sendiri, mengaibkan, serta enggan menyelidik sesuatu isu atau keadaan sebenar sebelum mengeluarkan kenyataan adalah antara sifat yang didorong oleh syaitan dan nafsu. Sifat-sifat inilah yang telah menyumbang kepada perpecahan umat Islam sepertimana yang pernah berlaku pada awal kejatuhan tamadun dan empayar Islam. Sikap buruk seperti ini terus menjadi punca utama yang merosakkan perpaduan dan kesatuan umat pada hari ini. Ia menghakis nilai saling hormat menghormati, menghapuskan toleransi, dan menjadikan perbezaan sebagai alasan untuk percakapan dan perseteruan.

11

Perpaduan umat Islam adalah asas kekuatan dan nikmat yang agung. Tanpa kesatuan dan perpaduan yang kukuh, umat Islam akan menjadi lemah meskipun jumlahnya ramai tetapi tidak memiliki kekuatan atau pengaruh, sehingga kehilangan kedudukan sebagai pemimpin dan contoh teladan dalam menyelesaikan urusan dunia. Kelemahan ini akan merugikan umat Islam serta membuka ruang untuk dijadikan alat tunggangan oleh musuh-musuh yang berusaha mencapai agenda mereka. Umat yang lemah akan mudah terpedaya dengan keindahan duniawi sehingga sanggup mengorbankan nilai-nilai persaudaraan dan kepentingan saudara seagamanya.

12

Dengan nikmat iman dan Islam sebagai panduan hidup, marilah kita bersama-sama keluar daripada kegelapan menuju cahaya kebenaran Islam. Bersatu atas dasar akidah dan mendukung risalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang telah menyatukan hati-hati manusia di bawah panji Islam yang berteraskan kasih sayang dan persaudaraan.

13



Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Ali-'Imran, ayat 103 yang bermaksud:

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk."

14

Pada hari ini, kita menyaksikan realiti yang amat memilukan. Walaupun Islam telah menetapkan panduan yang jelas tentang sikap dan akhlak dalam menghadapi perbezaan namun perbezaan aliran pemikiran mazhab, politik, dan isu-isu lain sering kali mencetuskan persengketaan dan permusuhan yang berlarutan dalam kalangan umat Islam. Adakah kita lupa bahawa umat Islam itu bersaudara?.

15

Sejarah menjadi saksi bahawa kejatuhan tamadun Islam di Andalusia, kelemahan pengurusan pentadbiran negara di era Daulah Abbasiyah, dan perpecahan dalam khilafah Uthmaniyyah semuanya bermula daripada pertelingkahan dalaman. Apabila umat Islam gagal bersatu, maka peluang itu digunakan oleh musuh untuk menghancurkan kita satu demi satu.

16



Perlu diingat bahawa perpecahan dalam kalangan umat Islam adalah ancaman besar dari dalam yang meruntuhkan kekuatan umat, menggugat solidariti, dan menjadikan kita mudah dipecah belah sebagaimana pepatah melayu yang sering kita dengar "Bersatu Teguh, Bercerai Roboh". Pepatah ini mengingatkan bahawa kesatuan adalah punca kekuatan, sementara perpecahan hanya akan membawa kehancuran dan kelemahan.

17

Perbezaan yang seharusnya mematangkan umat kini menjadi senjata paling ampuh untuk menimbulkan permusuhan dan memutuskan tali ukhuwah. Jangan biarkan perkara yang boleh dirunding secara harmoni menjadi punca runtuhnya ukhuwah Islamiah. Islam mengajar kita untuk saling menghormati walaupun berbeza pandangan dan cara fikir.

18

Marilah kita renungkan teladan yang ditunjukkan oleh para sahabat Rasulullah SAW. Mereka berbeza pandangan dalam beberapa perkara penting seperti dalam perihal pembahagian harta rampasan perang, strategi peperangan, pemilihan khalifah selepas kewafatan baginda SAW dan lain-lain hal berkaitan hukum hakam namun mereka tetap bersatu dalam perjuangan menegakkan Islam. Inilah contoh terbaik daripada generasi sahabat yang perlu kita ikuti.

19

Sesungguhnya khilaf dalam kalangan umat ini bukanlah suatu musibah tetapi ia adalah suatu rahmat. Allah SWT dengan hikmah-Nya menciptakan perbezaan dalam kalangan umat Islam supaya kita dapat saling melengkapi, belajar antara satu sama lain dan memperluas pandangan kita dalam menyelesaikan suatu permasalahan. Perbezaan ini adalah satu anugerah yang memungkinkan kita untuk memahami pelbagai sudut pandang, asalkan kita menjaga adab dan niat yang baik dalam mengurus perbezaan tersebut.

20



<p>Sebagai umat Islam, kita perlu akui bahawa kekuatan umat ini terletak pada kemampuan kita untuk menerima perbezaan pendapat, menghormati pandangan pihak lain dan mengutamakan kepentingan bersama dalam membangunkan Islam.</p>	21
<p>Jauhilah budaya menyekat atau mengkafirkan sesama Muslim, kerana ia bukan sahaja merosakkan keharmonian umat bahkan menyumbang kepada perpecahan yang lebih besar. Oleh itu, jangan sekali-kali kita terjerumus dalam dosa besar ini, terutamanya apabila perbezaan pandangan itu hanya berkisar pada perkara cabang yang tidak menjejaskan asas akidah atau prinsip-prinsip utama dalam Islam.</p>	22
<p>Kata al-Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari Rahimahullah kepada muridnya Abu Ali Zahir bin al-Sarakhsi:</p> <p><i>"Jadilah saksi buat diriku bahawa aku tidak mengkafirkan seorang pun dari kalangan ahli kiblatah. Ini kerana, kesemuanya mengisytiharkan kepada Tuhan yang satu. Sesungguhnya, semua ini hanyalah perbezaan ibarat semata-mata."</i></p>	23
<p>Jadikanlah tahun baru 2025 sebagai titik penting umat Islam untuk memperbaiki hubungan, menyatukan hati, dan memperkukuhkan ukhuwah Islamiah. Dalam menghadapi perbezaan pandangan, latar belakang, bangsa, budaya, dan agama, umat Islam perlu berpegang teguh kepada prinsip-prinsip agama yang menjunjung keteguhan dan semangat toleransi sesuai dengan tuntutan syariat.</p>	24



Ketahuiilah bahawa kesatuan hakiki hanya akan tercapai apabila kita berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT, menjaga adab dan akhlak serta menjauhi segala bentuk penyelewengan dan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran-Nya. Hanya dengan cara ini, kita mampu menikmati keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

25

Marilah bersama-sama kita berazam membanteras unsur-unsur yang membangkitkan elemen permusuhan dalam kalangan umat Islam mahupun masyarakat berbilang bangsa serta memohon kepada Allah SWT agar meneguhkan hati kita dalam kesatuan dan menjadikan umat Islam umat terbaik yang membawa rahmat kepada sekalian makhluk.

26

Hadis daripada Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash Radiallahuanhuma bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا بَيْنَ إصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ، كَقَلْبٍ وَاحِدٍ يُصَرِّفُهُ حَيْثُ يَشَاءُ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
اللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.

27

"Sesungguhnya hati-hati manusia semuanya berada di antara dua jari dari sekian jari Allah Yang Maha Pemurah seperti satu hati yang mana Allah SWT akan memalingkannya menurut kehendak-Nya. Setelah itu, Rasulullah SAW berdoa, "Ya Allah, Zat yang membolak-balikkan hati, palingkanlah hati kami kepada ketaatan kepada-Mu!"

28

(Riwayat Muslim).



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah mengutamakan persaudaraan dan ukhuwah Islamiah berlandaskan al-Quran dan Sunnah yang merupakan asas kekuatan umat dan negara.
2. Umat Islam mestilah memahami bahawa perbezaan pandangan adalah rahmat yang perlu diurus dengan adab, saling hormat menghormati dan fokus mencari titik persamaan demi kebaikan bersama.
3. Setiap individu muslim hendaklah mengambil langkah proaktif untuk memperkukuh ukhuwah di samping berusaha meningkatkan kefahaman agama serta menyokong usaha perpaduan di peringkat masyarakat dan institusi.

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

(Surah al-Hujurat: 10).



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	<p>30</p>
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	<p>31</p>



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>Ya Allah! Bukankanlah pintu hati umat Islam khususnya di Negeri Selangor untuk menunaikan zakat dengan penuh keikhlasan. Limpahkanlah keberkatan kepada mereka yang melaksanakan kewajipan zakat pada harta, pendapatan, dan keluarga mereka. Jauhkanlah mereka dari segala musibah dan kesulitan dan jadikanlah zakat sebagai salah satu jalan mereka meraih rahmat-Mu dan balasan syurga yang abadi di akhirat kelak.</p>	13
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	14
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	15
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	16